


# Saiiful dan Badrul Mulk

Cerita Rakyat Sabah

Noraini Osman



Saiful dan Badrul Mu



SAB0027165

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

# Saiful dan Badrul Muuk

Cerita Rakyat Sabah

Noraini Osman

PERPUSTAKAAN  
DBP Cawangan Sabah

No. Kelas: 398.20959521 No:

No. Perolehan: SAB 0284/10

Tarikh: 20.8.10 TT: 59.

Dewan Bahasa dan Pustaka

Kuala Lumpur

2010

Cetakan Pertama 2010

© Noraini Osman 2010

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia


Data Pengkatalogan-dalam-

Penerbitan


Saiful dan Badrul Muluk (cerita rakyat Sabah) / diceritakan semula oleh: Noraini Osman.

ISBN 978-983-46-0314-4

1. Folk literature, Malay-Sabah. 2. Folklore--Sabah.  
398.20959521



# SATU



Pada zaman dahulu di sebuah negeri, kononnya ada seorang puteri tunggal kepada Sultan Jalaluddin Syah yang bernama Puteri Siti Selasi. Pada ketika itu puteri itu baru sahaja berumur 17 tahun. Dia dibesarkan dengan penuh kasih sayang dan mendapat didikan yang baik-baik sahaja. Dia juga seorang gadis yang sangat cantik di negeri itu. Ramai anak pembesar yang ingin memperisterikannya.


Setiap hari, Puteri Siti Selasi akan menjenguk ke luar jendela di bilik peraduannya. Di situ lah dia dapat melihat pemandangan yang indah-

indah. Gunung-ganang yang membiru, bukit bukau terlukis hijau dengan pelbagai tumbuhan dan haiwan yang terdapat di dalamnya. Dia terbayang sesuatu yang indah setiap kali dia melihat ke luar sana.

Dari jendela itu juga, dia suka memerhati taman yang dibina oleh ayahandanya. Terdapat banyak burung yang dipelihara di taman itu. Bunga-bungaan yang pelbagai spesies dan pelbagai warna juga ada. Bunga mawar, bunga melur, bunga kembang pagi, bunga matahari yang indah menguning, bunga lili, bunga janda kaya dan sebagainya menimbulkan perasaan indah di hatinya.

“Dayang, dayang, kalau kita melihat-lihat ke dalam hutan itu, boleh tak? Mana tahu kalau-kalau ada sesuatu yang menarik di sana,” kata Puteri Siti Selasi kepada dayang-dayang yang selalu menjaganya.

“Jangan, tuan puteri! Di hutan banyak penjahat! Mana boleh tuan puteri ke sana, kita hanya boleh bermain-main di kawasan taman ini sahaja! Kalau tuan puteri hendak ke luar sana,



pasti tuanku akan memecat kami!" kata Mak Inang dengan lemah lembut.

"Tetapi, beta nak lihat apa keindahan di dalam hutan tu! Beta hendak tahu semuanya! Sampai bila beta hendak berkurung di sini saja?" kata Puteri Siti Selasi. Dia tidak dapat menerima pandangan Mak Inang itu. Mak Inang hanya menggeleng-gelengkan kepala.

Setiap kali dia memandang ke kawasan hutan itu, hatinya akan berasa tenang dan nyaman. Dia selalu membayangkan dia akan bertemu putera raja yang hebat dan berwajah tampan dan mereka akhirnya saling jatuh cinta.

"Bagaimanakah manisnya cinta dan kasih sayang? Tentu sesiapa yang merasanya akan sentiasa bahagia. Belum ada sesiapa yang mengusik bunga di taman ini," bisiknya. Kepalanya dijengulkannya ke luar melalui jendela biliknya itu. Dia merapatkan kepalanya ke muka jendela itu sambil menyimpulkan langsir di jendela biliknya itu. Dia membayangkan putera tampan yang sering diidamkannya. 'Ah, aku sudah tidak sabar bertemu dengan putera idamanku

itu! Kalau lahir dia boleh muncul sekarang juga, alangkah baiknya,' fikirnya.

Setiap petang, Mak Inang sering mengiringi Puteri Siti Selasi ke taman. Dia berasa gembira berada di situ. Dia dan inang-inang berlarian di tepian kolam melihat bunga-bunga teratai yang kembang dan tumbuh di air.

Dia ingin selalu berada di dalam taman tetapi ayahandanya melarangnya ke taman itu. Ayahandanya bimbang sesuatu akan berlaku di sana. Kadang-kadang dia kesal sekali dengan larangan ayahandanya itu. Bondanya pula mengikut sahaja peraturan yang dibuat oleh ayahandanya. Itulah yang menyebabkan dia berasa sunyi sekali. 'Sakitnya menjadi seorang puteri,' bisiknya.

Pada suatu hari, ketika asyik memandang ke luar jendela di bilik peraduannya itu, tiba-tiba tuan puteri ternampak seekor gajah. Rupa gajah itu begitu hodoh. Hidungnya besar dan mulutnya panjang. Puteri Siti Selasi menutup matanya, dia tidak mahu melihat gajah yang besar dan sangat hodoh itu.



Mengisahkan keperibadian dua beradik yang amat berbeza antara satu sama lain. Konflik mula timbul apabila mereka berjaya menyelesaikan masalah Puteri Siti Selasi. Kejayaan itu membolehkan salah seorang daripada mereka mengahwini puteri dan akan dilantik menjadi sultan. Sebagai adik, Badrul mengalah dan memberi laluan kepada abangnya, Saiful untuk mengahwini Puteri Siti Selasi. Pada satu malam, Badrul telah menyelamatkan Puteri Siti Selasi daripada diculik oleh seekor burung geroda. Tetapi tindakannya telah menimbulkan syak wasangka dan Saiful telah menghalau Badrul keluar dari istana. Badrul membawa diri dan buat pertama kalinya kedua-dua beradik itu berpisah. Adakah tali persaudaraan akan bertaut kembali?

ISBN 978-983-46-0314-4

00980

9 789834 603144